

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(XVIII)19**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG  
YB. ZOLKIFLY BIN MD. LAZIM**

19. Aedes dan kesihatan awam.

- (a) Apakah inisiatif yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengurangkan kadar wabak denggi di Pulau Pinang?
- (b) Sejauh manakah keberkesanan pihak MBPP dan MBSP dalam menangani isu kebersihan awam?

**YB. DR. NORLELA BINTI ARIFFIN  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

19. (a) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kesihatan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sangat komited dalam melaksanakan pelbagai inisiatif untuk mengurangkan kadar wabak denggi di Pulau Pinang. Antara inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:-

- (i) Melaksanakan aktiviti pemusnahan tempat pembiakan aedes atau *search and destroy* di tempat tumpuan awam. Kawalan denggi melalui *source reduction* adalah yang paling berkesan kerana dapat mencegah atau menghapus pembiakan nyamuk Aedes dan mengurangkan populasi aedes dewasa yang menyebabkan transmisi virus denggi;
- (ii) Melaksanakan kaedah kawalan seperti semburan kabus (*fogging*) dan ubat jentik-jentik serta membuat

pemeriksaan kebersihan dari rumah ke rumah untuk mengurangkan kadar wabak denggi;

- (iii) Melaksanakan kaedah pelepasan nyamuk *Aedes aegypti* ber-*Wolbachia* yang merupakan inisiatif baharu daripada Jabatan Kesihatan Negeri. Spesis nyamuk tersebut akan mengawan dengan *Aedes Aegypti* betina liar untuk menghasilkan telur yang tidak dapat menetas;
- (iv) Melaksanakan kempen kesedaran serta aktiviti promosi kesihatan awam melalui ceramah, hebahan awam dan pengedaran risalah di lokasi seperti kompleks makanan dan pasar-pasar awam, pameran di program-program awam dan program pendidikan khas “Cegah Denggi” di sekolah-sekolah;
- (v) Melaksanakan kempen-kempen berkaitan alam sekitar seperti kempen Program Pengasingan Sisa Di Punca, Program Kitar Semula, Kebun Kejiranan, Sekolah Hijau, Program *Upcycle*, Kempen Tidak Guna Plastik bagi mengurangkan sampah dan tempat pembiakan nyamuk *Aedes*;
- (vi) Meningkatkan aktiviti pemeriksaan dan pemantauan ke atas premis-premis yang kotor dan berisiko serta tapak-tapak binaan secara berjadual yang kerap mempunyai indeks *Aedes* yang tinggi;
- (vii) Menjalankan kerja-kerja penguatkuasaan seperti tindakan mengeluarkan notis, kompaun, tindakan mahkamah dan arahan melaksanakan pembersihan kepada pemilik premis yang didapati bersalah;
- (viii) Menganjurkan program gotong-royong bersama komuniti di kawasan wabak untuk membendung wabak denggi;
- (ix) Menggerakkan Jawatankuasa Pasukan Petugas Khas Denggi Peringkat Negeri bagi mengukuhkan

kerjasama antara agensi-agensi yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam kawalan denggi. Salah satu strategi penting dalam jawatankuasa ini adalah untuk memperkasa dan memobilisasi komuniti dalam menjalankan aktiviti-aktiviti pencegahan dan kawalan denggi; dan

- (x) Memperkuuhkan peranan pasukan *Communication for Behavioural Impact* (COMBI) atau Komunikasi untuk Perubahan Tingkahlaku untuk mewujudkan tanggungjawab bersama dalam komuniti bagi meningkatkan kesedaran penduduk terutamanya penglibatan dalam program/aktiviti pencegahan denggi dan pemusnahan serangga (vektor) pembawa penyakit di kawasan persekitaran masing-masing.
- (b) Keberkesanan pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dalam menangani isu kebersihan awam dapat diukur melalui dapatan Kajian Kepuasan Pelanggan yang terkini iaitu pada bulan Julai hingga Disember 2019 yang merangkumi dua (2) perkara iaitu:-

Bil.	Jenis Kajian	Prestasi Kepuasan Pelanggan (%)
1	Kajian kepuasan pelanggan perkhidmatan pemungutan sampah	80.66
2	Kajian perkhidmatan kerja pembersihan am	72.23

Berdasarkan keputusan kajian tersebut, bagi meningkatkan lagi tahap pembersihan di Seberang Perai, MBSP melaksanakan perkara-perkara berikut:-

- (i) Menamatkan kontraktor pembersihan yang tidak mencapai tahap yang memuaskan;

- (ii) Menjalankan perkhidmatan pembersihan sisa terapung di kesemua Jalan Persekutuan dengan kekerapan sehari sekali;
- (iii) Menjalankan pemotongan rumput di 490 buah kampung, yang mempunyai kelebaran jalan minima 8 kaki; dan
- (iv) Menjalankan pembersihan sisa terapung di kesemua pantai-pantai sekitar Seberang Perai.

Manakala keberkesanan pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dalam menangani isu kebersihan awam dapat dilihat melalui pengiktirafan yang telah diterima iaitu:

- (i) Penarafan 5 Bintang bagi Sistem *Star Rating* PBT (SSR-PBT) 2019;
- (ii) Penganugerahan *Asean Clean Tourist City Standard* (2020-2022); dan
- (iii) Penganugerahan *Asean Tourist Standard - Asean Public Toilet Standard* (2019-2021).